


# Sultan larang Jainj berurusan Jakim

**1** SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jainj) tidak lagi berurusan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selepas ini.

Baginda bertitah, Jakim tidak perlu memberikan pandangan kepada negeri Johor, yang mana semua orang tahu urusan berkaitan agama di bawah kuasa negeri seperti termaktub dalam perjanjian Persekutuan.

Sultan Ibrahim bertitah demikian susulan Pegawai Kader Jakim, Dr Zamihan Mat Zin mengkritik baginda mengenai isu dobi mesra muslim di Muar,



yang tular di media sosial.

“Beberapa mufti dan pakar agama telah keluarkan pandang-

an dan hujah mereka berkaitan perkara ini, namun malangnya ada penceramah bernama Ustaz

Zamihan Mat Zin mengkritik tindakan saya dan memperlekeh mufti-mufti tersebut.

“Gaya cakapnya sangat angkuh dan sombang, seolah-olah dia sahaja yang betul dan mencera bangsa lain.

“Saya anggap dia hanya seperti tin kosong yang tidak ada otak,” titah Sultan Ibrahim ketika Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kali ke-17.

Titah Sultan Ibrahim, Zamihan juga berbohong selepas cuba menafikan beliau menyebut perkara itu setelah dikecam orang ramai.